

## **PENYELESAIAN MAJIKAN PENDAHULUAN GAJI HONG LEONG BANK**

Kemaskini terakhir pada 28 Mac 2023

Penyelesaian Majikan Pendahuluan Gaji Hong Leong Bank ditawarkan oleh Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Paywatch Malaysia Sdn Bhd, (202001038105 (1394426-V)) ("**Paywatch**").

### **TERMA DAN SYARAT**

Penyelesaian Majikan Pendahuluan Gaji Hong Leong Bank membenarkan Pengguna (seperti yang tertera di bawah) untuk memohon Gaji yang Diperoleh (seperti yang tertera di bawah) sebelum Hari Pembayaran Gaji (seperti yang tertera di bawah), dengan membuat permohonan menggunakan Ciri Perkhidmatan Instant Pay yang termasuk dalam Penyelesaian Majikan Pendahuluan Gaji Hong Leong Bank ("**Perkhidmatan**").

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Perkhidmatan ("**T&S**").

### **KELAYAKAN**

1. Perkhidmatan ini (seperti yang tertera di bawah) terbuka kepada semua individu yang bekerja dan memenuhi kriteria kelayakan yang berikut ("**Pengguna**" atau "**Para Pengguna**"):
  - (a) Majikan Para Pengguna ("**Majikan**") yang telah berjaya memohon kepada HLB dan Paywatch untuk Penyelesaian Majikan Pendahuluan Gaji; DAN
  - (b) Para pengguna telah memuat turun, memasang dan mendaftar Akaun dalam Platform Paywatch ("**Aplikasi**"), DAN
  - (c) Berjaya memautkan profil pengguna dalam Aplikasi kepada Majikan; DAN
  - (d) Mempunyai akaun semasa atau simpanan aktif yang dikawal oleh mana-mana institusi kewangan di Malaysia; DAN
  - (e) Jika dikehendaki oleh Majikan, gunakan fungsi Daftar Masuk dan Daftar Keluar dalam Aplikasi untuk menjejaki sebarang wang atau gaji yang perlu dibayar oleh Majikan kepada Para Pengguna mengikut jam dan/atau hari yang telah Para Pengguna bekerja pada bulan tertentu ("**Gaji yang Diperoleh**").

### **PERKHIDMATAN PENDAHULUAN GAJI MELALUI PERKHIDMATAN INSTANT PAY DALAM APLIKASI**

2. Tertakluk kepada pemenuhan Klausula 1, Pengguna berhak untuk memohon Gaji yang Diperoleh mereka sebelum hari yang telah ditetapkan untuk pembayaran gaji Pengguna oleh Majikannya ("**Hari Pembayaran Gaji**"). Permohonan ini merupakan pembayaran untuk sebahagian daripada gaji Pengguna sebelum Hari Pembayaran Gaji dan akan dianggap sebagai permohonan pengeluaran pendahuluan gaji.

- Pengguna hendaklah membuat permohonan pengeluaran pendahuluan gaji melalui Ciri Perkhidmatan Instant Pay yang tertakluk pada had amaun pengeluaran seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1**

<b>Butiran</b>	<b>Amaun Pengeluaran</b>
Pengeluaran maksimum dalam masa sebulan selepas penciptaan dan pengaktifan Perkhidmatan Instant Pay	RM750
Amaun Pengeluaran Minimum bagi setiap permohonan Perkhidmatan Instant Pay	RM100
Amaun Pengeluaran Maksimum Sehari bagi setiap permohonan Perkhidmatan Instant Pay	25% daripada Gaji Yang Diperoleh Pengguna apabila pengeluaran dilakukan, terhad pada RM500
Amaun Pengeluaran Maksimum Sehari	25% daripada Gaji Yang Diperoleh Pengguna apabila pengeluaran dilakukan, terhad pada RM1,000
Amaun Pengeluaran Maksimum Sebulan	25% daripada Gaji Yang Diperoleh Pengguna apabila pengeluaran dilakukan, terhad pada RM2,000

- Apabila permohonan Perkhidmatan Instant Pay berjaya, HLB akan membayar Amaun Pengeluaran yang dimohon (tertakluk pada mana-mana had yang tertera dalam Jadual 1 di atas), bersih selepas penolakan Yuran Perkhidmatan seperti yang diperincikan di bawah Klausa 10 dan 11 ("**Pendahuluan Gaji**") kepada akaun gaji Pengguna yang disediakan oleh Majikan mereka ("**Akaun Bank Pengguna**").
- Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Akaun Bank Pengguna boleh dikekalkan dengan HLB atau mana-mana institusi kewangan di Malaysia.
- HLB akan melakukan pembayaran permohonan Perkhidmatan Instant Pay berdasarkan jadual yang tertera dalam Jadual 2.

**Jadual 2**

<b>Hari</b>	<b>Masa Permohonan Pengeluaran</b>	<b>Masa Pembayaran</b>
Isnin – Jumaat	Sebelum 9:00 a.m.	Menjelang 12:00 p.m. pada hari yang sama
	9:00 a.m. – 2:00 p.m.	Menjelang 6:00 p.m. pada hari yang sama
	Selepas 2:00pm (Kecuali pada hari Jumaat)	Menjelang 12:00 p.m. pada keesokan hari
Jumaat	Selepas 2:00 p.m.	Menjelang 12:00 p.m. pada hari Isnin seterusnya
Sabtu – Ahad	Sepanjang hari	Menjelang 12:00 p.m. pada hari Isnin seterusnya

7. HLB berhak untuk menolak permohonan Perkhidmatan Instant Pay Pengguna jika:
- Pengguna membuat permohonan Perkhidmatan Instant Pay dalam masa tiga (3) hari kalendar dari Hari Pembayaran Gaji Pengguna; atau
  - Amaun Pengeluaran yang dimohon melebihi had yang telah ditetapkan seperti yang tertera dalam Jadual 1 di atas; atau
  - Majikan telah mencapai had maksimum untuk pengeluaran pendahuluan gaji (ditentukan oleh HLB dan dimaklumkan kepada Majikan) untuk bulan kalendar.

**YURAN PERKHIDMATAN INSTANT PAY**

- Permohonan Perkhidmatan Instant Pay Pengguna yang telah diluluskan akan tertakluk pada Yuran Perkhidmatan Instant Pay ("**Yuran Perkhidmatan**").
- Yuran Perkhidmatan akan ditanggung oleh Pengguna.
- Yuran Perkhidmatan akan dikenakan bagi setiap pengeluaran seperti yang tertera dalam Jadual 3, dengan syarat bahawa Yuran Perkhidmatan maksimum yang dikenakan dalam 1 tahun kalendar tidak melebihi 24% daripada pendahuluan gaji maksimum yang diambil dalam mana-mana bulan dalam tahun kalendar tersebut.

**Jadual 3**

<b>Amaun Pengeluaran Pendahuluan Gaji (setiap pengeluaran)</b>	<b>Yuran Perkhidmatan</b>
RM100 – RM500	RM2

11. Yuran Perkhidmatan akan terus ditolak daripada Amaun Pengeluaran Pendahuluan Gaji (i.e jika Amaun Pengeluaran Pendahuluan Gaji adalah RM500, Pengguna akan menerima RM498 dalam akaunnya setelah Yuran Perkhidmatan ditolak).

**BAYARAN BALIK PENDAHULUAN GAJI MELALUI POTONGAN GAJI**

12. Majikan akan membuat potongan terus daripada Amaun Pengeluaran Pengguna untuk membuat pembayaran balik kepada HLB.
13. Dengan menggunakan Perkhidmatan ini, Pengguna membenarkan Majikannya untuk membuat potongan terus daripada gaji Pengguna untuk membuat pembayaran balik kepada HLB semasa atau sebelum Hari Pembayaran Gaji bagi Amaun Pengeluaran yang dilakukan semasa kitaran gaji.
14. Majikan akan membayar baki jumlah gaji (selepas pembayaran balik Amaun Pengeluaran kepada HLB) kepada Pengguna semasa Hari Pembayaran Gaji.
15. Sekiranya HLB tidak menerima jumlah Amaun Pengeluaran yang dibuat oleh Pengguna daripada Majikannya semasa kitaran gaji menjelang Hari Pembayaran Gaji, perkhidmatan ini boleh digantung sehingga jumlah Amaun Pengeluaran yang dilakukan oleh Pengguna Majikan telah dibayar balik sepenuhnya kepada HLB.

**UMUM**

16. Dengan menggunakan Perkhidmatan Instant Pay, Pengguna dengan ini:
- (a) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju dengan T&S yang tertakluk di sini;
  - (b) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju dengan [Notis Privasi HLB](#);
  - (c) bersetuju untuk mengakses Aplikasi Paywatch dan laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my/instantpay](http://www.hlb.com.my/instantpay) ("**Laman Sesawang HLB**") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S apabila HLB menghantar "Short Message Service" ("**SMS**") atau e-mel yang memberitahu Pengguna tentang perubahan atau variasi; dan
  - (d) bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berkaitan Perkhidmatan adalah muktamad, akhir dan mengikat atas semua Pengguna.

17. HLB berhak untuk:
  - (a) menolak mana-mana permohonan Perkhidmatan Instant Pay yang tidak memenuhi syarat kelayakan seperti yang dinyatakan dalam T&S di sini;
  - (b) membatalkan dan/atau menggantung mana-mana Pengguna daripada menggunakan Perkhidmatan Instant Pay sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
  - (c) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menggantung atau menamatkan Perkhidmatan ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang perubahan dilakukan, kepada Pengguna dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB atau Aplikasi Paywatch atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLB dengan membuat pemberitahuan kepada Pengguna melalui SMS atau e-mel untuk menyemak Laman Sesawang HLB.
18. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Perkhidmatan ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.
19. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
20. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.